

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 16.07.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 115

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah kes penganjuran Himpunan Hari Wanita telah diklasifikasikan sebagai “tiada tindakan selanjutnya” (NFA) dan dihentikan siasatan sedangkan perarakan yang melibatkan kelompok LGBT jelas bercanggah dengan Islam dan Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Yang di-Pertua,

1. Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti yang berikut:

“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan

10. (1) *Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)—*

(a) *tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara;*

(b) *semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata;*

(c) *semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan.*

(2) *Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan—*

NO. SOALAN : 115

- (a) *ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (a) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara- negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah, atau pengapian apa-apa kesalahan;*
- (b) *ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (b) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam;*
- (c) *ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau kemoralan.*

(3) *Sekatan-sekatan ke atas hak untuk membentuk persatuan yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1) boleh juga dikenakan oleh mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan perburuhan atau pendidikan.*

(4) *Pada mengenakan sekatan-sekatan demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam di bawah perenggan (a) Fasal (2), Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang dipersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III, Perkara 152, 153 atau 181 melainkan yang berhubungan dengan pelaksanaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang itu.”.*

2. Kes penganjuran Himpunan Hari Wanita telah diklasifikasikan sebagai “tiada tindakan lanjut” (*no further action* (NFA)) kerana siasatan menunjukkan bahawa—

- (a) penganjur telah menyerahkan notis perhimpunan kepada pihak polis sepuluh hari sebelum perhimpunan tersebut diadakan di bawah subseksyen 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 [*Akta 736*]; dan
- (b) tiada insiden yang bercanggah dengan undang-undang berlaku semasa perhimpunan tersebut.

3. Subseksyen 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Pemberitahuan perhimpunan

9. (1) *Seseorang penganjur hendaklah, sepuluh hari sebelum tarikh perhimpunan, memberitahu Pegawai yang menjaga Daerah Polis di mana perhimpunan itu hendak diadakan.”.*

4. Perarakan yang melibatkan sekumpulan LGBT (*Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender*) semasa Himpunan Hari Wanita ini tidak bercanggah dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan subseksyen 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012.

5. Sekiranya pun benar dakwaan YB bahawa apa yang dilakukan bercanggah dengan Islam, pihak Peguam Negara tidak mempunyai apa-apa kuasa di bawah mana-mana undang-undang yang sedia ada untuk mendakwa apa-apa perbuatan yang dikatakan bercanggah dengan Islam.

Sekian, terima kasih.